



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia



TANGKAS MENDEPANI CABARAN

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2021 - 2023

ISI KANDUNGAN


Konteks Operasi PIDM	02
Pengenalan	03
Risiko dan Perkara-Perkara Material Lain	03
Rancangan 2021 - 2023	04
Kesimpulan	10



Imbas kod QR untuk mendengar mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif PIDM

KONTEKS OPERASI PIDM

PENDEPOSIT




42 bank ahli PIDM

RM2.90 trilion Jumlah aset bank ahli	RM2.02 trilion Jumlah deposit bank ahli	RM587 bilion Jumlah deposit diinsuranskan bank ahli
--	---	---

96% pendeposit dilindungi PIDM sepenuhnya	68 : 32 Nisbah jumlah deposit konvensional kepada deposit Islam
---	---

PEMILIK SIJIL TAKAFUL DAN PEMEGANG POLISI INSURANS









50 ahli penginsurans PIDM

RM371 bilion Jumlah aset ahli penginsurans	96% pemilik sijil takaful dan pemegang polisi insurans dilindungi PIDM sepenuhnya
--	---

Walaupun pengagihan vaksin telah meningkatkan jangkaan pasaran terhadap pertumbuhan ekonomi global, kemunculan semula kes-kes COVID-19 dan pelaksanaan semula kawalan pergerakan menyebabkan risiko pertumbuhan ekonomi yang perlahan terus kekal. Ketidaktentuan masih berterusan dan implikasi pandemik COVID-19 terus mempengaruhi dunia, perniagaan dan individu dari aspek kesihatan dan ekonomi. Persekitaran luaran juga membawa bersamanya risiko-risiko lain seperti varian baharu virus COVID-19, isu berkaitan pengagihan vaksin di sesetengah negara dan peningkatan ancaman keselamatan siber. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka pulih tahun ini walaupun prospeknya terdedah kepada risiko.

TINJAUAN EKONOMI MALAYSIA


Risiko	Penampakan
 <p>Kes harian baharu COVID-19 di seluruh dunia</p> <p>Kemunculan semula kes COVID-19 dalam dan luar negara</p> <p>Kelewatan pengagihan vaksin secara meluas</p>	 <p>Unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Kementerian Kewangan (% tahun-ke-tahun)</p> <p>Pemulihan ekonomi domestik</p>
 <p>CPB World Trade Monitor (% tahun-ke-tahun)</p> <p>Ketegangan geopolitik dan perdagangan</p>	 <p>Jumlah Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (RM bilion)</p> <p>Pengembangan dasar fiskal</p>
 <p>Hutang Global International Institute of Finance (% daripada KDNK)</p> <p>Keberhutangan global yang tinggi</p>	 <p>Kadar Dasar Semalaman Bank Negara Malaysia</p> <p>Dasar monetari yang akomodatif</p>

Nota: CPB World Trade Monitor mengumpulkan, mengagregat, dan meringkaskan data bulanan daripada seluruh dunia berkaitan perdagangan antarabangsa dan pengeluaran pengindustrian. Tujuannya adalah untuk melaporkan perkembangan bulanan dalam perdagangan dan pengeluaran pada waktu seawal mungkin, meliputi sampel negara seluas mungkin.

Kedudukan kewangan institusi ahli kami berada pada tahap yang teguh ketika pandemik COVID-19 mula melanda negara. Ini membolehkan mereka menyerap kejutan dan membantu perniagaan dan individu yang terjejas oleh pandemik tersebut. Dengan penampakan modal dan asas yang kukuh, institusi ahli kami berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pengantaraan kewangan apabila ekonomi negara pulih.

Namun begitu, kami sentiasa berwaspada dan akan terus memantau keadaan semasa yang tidak menentu.

BANK AHLI



Pertumbuhan pinjaman > 2020 **3.8%** / 2019 **3.9%**

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	Nisbah Rizab Kerugian Pinjaman Dilindungi	Pulangan Aset Berwajaran Risiko
14.3% (2019: 14.3%)	149% (2019: 148%)	0.94% (2019: 0.97%)	131% (2019: 124%)	1.8% (2019: 2.5%)

AHLI PENGINSURANS

<p>Nisbah Kecukupan Modal</p> <p>Syarikat Insurans: 222.4% (2019: 226.3%)</p> <p>Pengendali Takaful: 222.3% (2019: 214.2%)</p>	<p>Pertumbuhan Jumlah Aset</p> <p>Syarikat Insurans: 6.5% (2019: 7.7%)</p> <p>Pengendali Takaful: 14.1% (2019: 16.6%)</p>
<p>Pertumbuhan Premium Bersih (Insurans Hayat dan Takaful Keluarga)</p> <p>2.7% (2019: 9.6%)</p>	<p>Pertumbuhan Premium Kasar (Insurans Am dan Takaful Am)</p> <p>-0.5% (2019: 1.9%)</p>

* Kesemua nisbah tahun 2020 adalah berdasarkan data pada bulan November 2020, kecuali nisbah kecukupan modal bagi ahli penginsurans (suku ketiga tahun 2020). Data 2019 adalah berdasarkan data pada bulan Disember 2019.

Sumber: PIDM dan Bank Negara Malaysia

PENGENALAN

Krisis kesihatan awam dan ekonomi pada tahun lalu mendorong kami untuk mengutamakan inisiatif-inisiatif berkaitan kesediaan operasi dan resolusi, di samping memantau dan menilai risiko secara berterusan. Bagi tempoh perancangan, ketidaktentuan yang berterusan menjurus kami untuk meningkatkan lagi kesediaan dalam memastikan ketangkasan kami bagi mendepani sebarang cabaran. Rancangan korporat kami bagi tempoh tiga tahun ini mengetengahkan objektif strategik PIDM dan hasil yang berkaitan dengan tempoh perancangan tahun 2021 - 2023.

RISIKO DAN PERKARA-PERKARA MATERIAL LAIN

Dalam membangunkan rancangan ini, kami melaksanakan penilaian risiko PIDM dalam kategori-kategori berikut sejajar dengan amalan kami.

Insurans Risiko berkaitan penilaian, pemantauan, intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli, dan risiko lain yang wujud dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.	Operasi Risiko berkaitan dengan operasi harian PIDM termasuk kekurangan atau kegagalan proses dan sistem dalaman.	Reputasi Risiko berkaitan dengan reputasi PIDM termasuk kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap PIDM.
	Strategik Risiko berkaitan strategi dan tadbir urus PIDM.	Kakitangan Risiko berkaitan kakitangan dan bagaimana PIDM mengurus kakitangannya.
Kewangan Risiko berkaitan dengan pergerakan negatif dalam nilai aset dan liabiliti kewangan PIDM, kedua-duanya di dalam dan di luar lembaran imbalan, serta keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasi kewangannya.		

Berikutan keadaan persekitaran luaran yang tidak menentu, trend risiko bagi lima kategori (iaitu insurans, reputasi, strategik, operasi dan kakitangan) dinilai sebagai 'meningkat'. Trend risiko kewangan kami dinilai sebagai 'stabil' memandangkan kami melabur dalam instrumen pelaburan yang konservatif dan terjamin yang dipegang sehingga tempoh matangnya.

Perkara-perkara material lain merujuk kepada perkara yang banyak mempengaruhi keupayaan kami untuk mencipta nilai dalam tempoh jangka pendek hingga panjang, dan ia amat berkait rapat dengan tahap kesediaan kami. Kami telah membangunkan pelbagai sistem dan proses utama bagi tujuan intervensi atau resolusi kegagalan sekiranya ia diperlukan. Peralihan ke tahap kesediaan yang berikutnya memerlukan kelangsungan perhubungan utama dan usaha membentuk protokol koordinasi dalam kalangan rakan strategik utama, demi persiapan awal untuk menangani krisis. Sementara itu, pada jangka masa terdekat, kami perlu meningkatkan kecekapan, ketangkasan dan kesediaan kakitangan kami, serta menyiapkan kerja-kerja asas untuk terus menghadapinya pada masa akan datang.

PIDM mempunyai banyak kaedah yang boleh diguna pakai untuk melaksanakan intervensi dan resolusi. Selaras dengan tugas resolusi, kami akan terus memastikan rancangan pembiayaan boleh memenuhi keperluan untuk melaksanakan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan. Keyakinan merupakan aspek yang kritikal dan kami akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan membina keyakinan orang awam.

Dalam tempoh jangka panjang, tahap keberkesanan rejim resolusi yang diingini bergantung kepada faktor-faktor utama seperti mengenal pasti fungsi kritikal institusi ahli dalam sistem kewangan, impak kegagalan institusi ahli kepada sistem kewangan dan kecekapan kami dalam menangani isu-isu rumit yang berkaitan dengannya. Kerjasama dan koordinasi yang efektif melibatkan rakan kongsi strategik khususnya anggota jaringan keselamatan kewangan dan industri juga penting.


RANCANGAN 2021 - 2023

ANDAIAN PERANCANGAN UTAMA

Kami sentiasa memberi perhatian kepada petunjuk utama seperti kadar faedah, inflasi dan pengangguran dalam menilai potensi impak pandemik COVID-19 terhadap ekonomi negara. Pemantauan terhadap impak luar jangka yang mungkin boleh menjejaskan industri kewangan seperti sektor isi rumah dan harta tanah juga dilakukan. Selain daripada memantau dan menilai risiko dalam sistem kewangan, kami juga mengambil kira andaian perancangan utama kami, iaitu mandat PIDM akan kekal terkini dan relevan. Ia juga diandaikan bahawa PIDM akan terus beroperasi menggunakan rangka kerja modal insan yang sedia ada yang bermatlamat untuk mengekalkan kumpulan tenaga kerja utama serta disokong oleh penyedia perkhidmatan utama apabila perlu.

OBJEKTIF STRATEGIK DAN BIDANG KEPUTUSAN UTAMA


Objektif strategik dan bidang keputusan utama kami bagi tempoh perancangan adalah seperti berikut.



RANCANGAN 2021 - 2023

INISIATIF KORPORAT 2021 - 2023

Inisiatif korporat kami merangkumi rancangan untuk menangani risiko dan perkara-perkara material yang telah dihuraikan sebelum ini. Berikut merupakan ringkasan sorotan inisiatif korporat kami dan hasil yang diinginkan.

 Kesediaan Resolusi	
Inisiatif korporat	Hasil yang diinginkan dalam tempoh perancangan
Meningkatkan kesediaan PIDM menangani krisis dengan pelaksanaan program multi tahunan yang berasaskan risiko untuk mengenal pasti dan mengutamakan aktiviti-aktiviti pengujian dan latihan berkala melalui simulasi atau latihan pengesahan lain, serta mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat antarabangsa berkaitan resolusi rentas sempadan.	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelarasan dan kerjasama yang lebih teratur dalam kalangan anggota jaringan keselamatan kewangan bagi menghadapi krisis kewangan atau kegagalan institusi ahli. • Meningkatkan tahap ketangkasan tindakan intervensi dan resolusi kegagalan.
Meneruskan program rintis perancangan resolusi (<i>resolution planning</i>) dengan bank rintis. Menambah baik garis panduan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas yang diterima daripada bank rintis.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyiapkan program rintis perancangan resolusi bagi bank rintis. • Mengeluarkan garis panduan perancangan resolusi untuk industri.
Mengkaji semula dan mempertingkatkan pendekatan penilaian, metodologi dan petunjuk dalam rangka kerja sistem premium dan levi berbeza, yang mengambil kira pandangan pihak industri.	Mengeluarkan rangka kerja sistem premium dan levi berbeza yang dikaji semula.
Meneruskan pembangunan platform elektronik bagi membolehkan deposit yang diinsuranskan oleh PIDM dibayar secara elektronik tanpa penglibatan aktif pendeposit dalam transaksi tersebut.	Meningkatkan tahap kemampuan kesediaan pembayaran balik.

RANCANGAN 2021 - 2023



Kepercayaan dan Keyakinan terhadap PIDM

Inisiatif korporat	Hasil yang diinginkan dalam tempoh perancangan
<p>Melaksanakan inisiatif kesedaran awam melalui pelbagai medium termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> kempen daya tahan kewangan untuk orang awam; dan kolaborasi dengan Jaringan Pendidikan Kewangan dan rakan kongsi strategik lain. 	<p>Meningkatkan kesedaran orang awam tentang PIDM dan sistemnya, serta memupuk kepercayaan dan keyakinan terhadapnya.</p>
<p>Meningkatkan visibiliti dan reputasi PIDM dalam kalangan pemegang kepentingan yang relevan melalui kandungan yang sesuai.</p> <p>Meneruskan penglibatan pemegang kepentingan utama dalam kesediaan menangani krisis dan resolusi institusi kewangan, melalui pelbagai saluran.</p>	<p>Peningkatan tahap visibiliti dan reputasi PIDM dalam industri kewangan dan juga dalam kalangan pemegang kepentingan yang relevan.</p>



Keupayaan Organisasi

Inisiatif korporat	Hasil yang diinginkan dalam tempoh perancangan
<p>Meneruskan inisiatif pengurusan tenaga kerja kami bagi tujuan pengukuhan tenaga kerja dan perancangan penggantian.</p> <p>Meneruskan usaha memupuk pemikiran kakitangan yang tangkas dengan menggalakkan budaya pembelajaran dan pembangunan.</p>	<p>Memastikan kesediaan barisan kepimpinan dan tenaga kerja teknikal bagi tujuan pengurusan perancangan penggantian.</p>
<p>Meneruskan usaha memantau dan meningkatkan keselamatan siber serta infrastruktur bagi memastikan kesinambungan operasi dan keselamatan maklumat.</p> <p>Mencapai pensijilan Information Security Management Systems (ISMS) ISO/IEC 27001.</p>	<p>Daya tahan keselamatan siber yang dipertingkatkan.</p>
<p>Membangunkan dan melaksanakan pelan transformasi digital yang menggariskan visi dan mentakrifkan matlamat usaha pendigitalan kami, di samping menentukan dan membangunkan kecekapan yang berkaitan.</p> <p>Meningkatkan program pengumpulan data dan kemampuan visualisasi dan menganalisis data secara berterusan.</p>	<p>Memanfaatkan teknologi maklumat bagi pemahaman mendalam serta penggunaan data yang efektif dan efisien dalam membuat keputusan.</p>

RANCANGAN 2021 - 2023

SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2021

Pendekatan bajet 2021 kami mengandaikan bahawa beberapa aspek tertentu dalam norma baharu akan berterusan.

Pendekatan Bajet 2021

Pendapatan

Hasil premium dan levi

- Langkah-langkah pemulihan pengawal selia (*regulatory relief measures*) – pengurangan premium dan levi institusi ahli bagi tahun taksiran 2020 dan 2021
- Sektor perbankan – premium berjumlah RM263 juta
- Sektor insurans – levi berjumlah RM62 juta

Pendapatan pelaburan dan pulangan

- RM150 juta daripada pelaburan dalam sekuriti mudah tunai yang bermutu tinggi serta penempatan pasaran wang

Year	Hasil premium dan levi (RM Juta)	Pendapatan pelaburan dan pulangan (RM Juta)	Total (RM Juta)
Bajet 2020	471.7	170.5	642.2
Unjuran 2020*	243.4	145.2	388.6
Bajet 2021	325.0	150.0	475.0

* Unjuran 2020 = Sebenar (Januari hingga September 2020) + Unjuran (Oktober hingga Disember 2020)

Kesediaan Resolusi

- Kesediaan menangani krisis dan koordinasi dengan anggota jaringan keselamatan kewangan
- Garis panduan perancangan resolusi
- Kesediaan pembayaran balik
- Latihan dan simulasi

Category	Total (RM)	Item	Percentage
Perbelanjaan Operasi (RM4 juta)	RM4 juta	Kesediaan menangani krisis	58%
		Kesediaan pembayaran balik	21%
		Penilaian premium dan levi, serta pelan resolusi bagi institusi ahli	21%
Perbelanjaan Modal (RM2.4 juta)	RM2.4 juta	Kesediaan pembayaran balik	81%
		Penilaian premium dan levi, serta pelan resolusi bagi institusi ahli	19%

RANCANGAN 2021 - 2023



Kepercayaan dan Keyakinan terhadap PIDM

- Inisiatif kesedaran awam
- Penampilan PIDM di media sosial
- Kempen daya tahan kewangan
- Kolaborasi, pembangunan kandungan dan tajaan dalam kalangan pemegang kepentingan yang relevan



Keupayaan Organisasi

Pengurusan modal insan

- Meneruskan pengurusan tenaga kerja
- Peralihan kepada pembelajaran secara maya
- Jumlah perbelanjaan – RM66.1 juta

FIDE FORUM

- Menyokong operasi melalui program peminjaman kakitangan dan perbelanjaan pentadbiran pejabat
- Jumlah perbelanjaan – RM2.6 juta di mana RM2.2 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan berkaitan kakitangan

FIDE FORUM adalah sebuah pertubuhan bukan keuntungan yang ditubuhkan untuk mempromosikan tadbir urus korporat dalam kalangan lembaga pengarah institusi kewangan

Keselamatan dan kecekapan operasi

- Infrastruktur pertahanan dan keselamatan siber
- Tumpuan kepada pendigitalan

Keselamatan dan kecekapan operasi



RANCANGAN 2021 - 2023



Perbelanjaan Operasi Lain

Perbelanjaan pentadbiran dan operasi


Pengurusan kewangan berhemah dan mengoptimumkan sumber sedia ada:

- Kecekapan dan keberkesanan operasi
- Norma baharu dan pengaturannya kerja baharu


Tanggungjawab sosial korporat dan kemampanan

- Program pembiayaan biasiswa dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat
- Jumlah perbelanjaan – RM1.3 juta

Perbelanjaan pentadbiran dan operasi



* Jumlah ini merangkumi perbelanjaan pentadbiran pejabat bagi FIDE FORUM



KESIMPULAN

MEMANTAU KEMAJUAN BERBANDING DENGAN RANCANGAN YANG DILULUSKAN

Petunjuk prestasi utama bagi setiap kakitangan akan dibangunkan berlandaskan kepada inisiatif korporat. Program ganjaran dan manfaat PIDM dikaitkan dengan perkembangan dan pencapaian inisiatif yang dinyatakan dalam rancangan korporat ini.

Kemajuan inisiatif tahun 2021 - 2023 akan dipantau dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Prestasi kami bagi tahun 2020 akan dilaporkan dan diterbitkan dalam Laporan Tahunan PIDM.

HALANGAN PENCAPAIAN RANCANGAN KORPORAT

Perubahan drastik dalam persekitaran operasi, intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli, atau kehilangan kakitangan utama, boleh menghalang pencapaian rancangan korporat PIDM. Sekiranya terdapat risiko yang boleh menghalang pencapaian rancangan korporat ini, kami akan menilai semula pengutamaan inisiatif dan menyelaraskan sumber yang ada dan pada masa yang sama mengekalkan operasi semua fungsi kritikal. Memandangkan perkara-perkara sebegini adalah di luar kawalan PIDM, kami akan terus memantau risiko-risiko berkenaan, dan sentiasa mengkaji semula pelan luar jangka kami bagi memastikan kesannya dapat dikurangkan.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Aras 12, Menara Axiata, No.9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur



1-800-88-1266



info@pidm.gov.my



www.pidm.gov.my



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia